

BAB KETIGA

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Dalam konteks disertasi ini kaedah yang dipilih ialah kajian deskriptif perbandingan iaitu kaedah yang menggambarkan secara sistematik unsur-unsur kebahasaan yang aktual berdasarkan fakta-fakta yang ada sesuai dengan perkembangan leksikografi BM dan BI. Kaedah sedemikian dianggap sesuai digunakan dalam kajian ini untuk mencari unsur unsur persamaan dan perbezaan yang melatari penerapan kata ganda dalam kamus ekabahasa masing-masing. Sehubungan itu untuk menghasilkan kajian yang boleh dipertanggungjawabkan dan diandalkan hujahnya, maka perlulah bersandarkan kepada data yang komprehensif dan relevan dengan perkara yang dikaji. Labov (dlm Harimurti 1988:23) menyifatkan terdapat lima kaedah memperoleh data dan antaranya ialah teks, intuisi, dan pemerhatian.

Kamus, buku pedoman tatabahasa, dan sebagainya merupakan bahan teks yang banyak memberi input tentang maklumat morfologi, khususnya kata ganda. Dalam hal ini sebagai sebuah rekayasa ilmu yang dipertanggungjawabkan merancang, membina dan membakukan bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia merupakan institusi yang telah menerbitkan pelbagai jenis kamus dan buku-buku bahasa untuk keperluan pemelajaran bahasa.

Usaha mengkaji dan meneliti bahasa juga tidak terlepas daripada intuisi dan pemerhatian. Seperti yang disarankan oleh Labov intuisi dapat dimanfaatkan untuk menilai kebenaran

sesuatu bentuk atau kegramatisannya serta ketaksaan yang timbul. Pemerhatian pula dilakukan untuk memperoleh data yang belum tercatat dalam korpus tetapi kerap digunakan orang. Pemerhatian juga berdasarkan tulisan tentang morfologi, khususnya tentang kata ganda yang banyak membantu sewaktu analisis data dilakukan. Di samping itu, Sinclair (1991:37) berpendapat bahawa terdapat tiga sumber utama bukti leksikografik, iaitu a. dengan merujuk kamus-kamus yang sedia ada; b. tanggapan atau intuisi penutur asli tentang bahasanya sendiri, dan c. pemerhatian terhadap bahasa yang digunakan. Ternyata maklumat dalam kamus-kamus yang sedia ada bukannya sebagai bahan sejarah yang tidak berfungsi apa-apa, malah menjadi dokumentasi penting yang merakamkan bahasa dan budaya sesuatu bangsa.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah interteks atau antara teks.. Teks yang dipilih untuk kajian ini ialah **KD**, edisi ketiga 1994 dan bandingannya teks **KBBI** cetakan 1997. Kedua-dua teks menjadi pilihan penulis kerana kedua-duanya merakamkan dokumentasi penting seluruh kosa kata yang wujud dalam bahasa masing-masing. Menurut Asmah Omar (1987:16) ‘**KD** adalah kamus yang paling utama dan dijadikan landasan bagi rujukan makna perkataan Melayu. **KD** jika tekaan saya tidak meleset merupakan landasan bagi penyusunan kamus-kamus lain yang ada pada hari ini. Manakala **KBBI** disifatkan sebagai sebuah kamus ekabahasa mutakhir yang paling lengkap dengan kosa kata dalam pelbagai bidang ilmu. Kamus ini begitu penting dalam kerangka penyusunan kamus ekabahasa yang lainnya dan mempengaruhi proses menyusun kamus di Nusantara termasuk Malaysia. Dengan jumlah kata masukan sebanyak 34 ribu (28 000 pada edisi 1989 dan tambahan 6 000 pada edisi ketiga) pada **KD** dan 73 000 kata masukan pada **KBBI** meletakkan kedua-dua kamus pada tempat yang tersendiri yang tidak dapat digugat oleh mana-mana kamus ekabahasa lain.

Mengikut Halliday (dalam Marsis Muhamad Nasir 1997:1016), teks adalah bahasa yang sedang berfungsi iaitu bahasa yang sedang melaksanakan tugas tertentu. Sesuai dengan taraf BM dan BI yang memenuhi fungsinya tersebut, maka teks tersebut adalah ‘chorus’ sosialnya yang dimanifestasikan dalam kosa kata yang digunakan. Kriteria yang perlu ada dalam sesebuah teks yang ideal adalah seperti berikut:

- a. Kohesi- teks bertaut antara satu sama lain
- b. Koheren-idea yang bertaut antara satu sama lain
- c. Kejelasan-huraian yang ringkas dan tak meleret-leret
- d. Kesatuan-perenggan yang berpusat pada satu fokus
- e. Kerapian-Urutan yang rapi dan jelas pada perenggan
- f. Keterbacaan-kebolehbacaan dari aspek pembacaan iaitu pemahaman, kefasihan dan minat
- g. Kesempurnaan -unit fikiran yang lengkap

Dalam hubungannya dengan kamus, teks tersebut dicirikan oleh:

- a. Kata dasar atau entri
- b. Bentuk kata
- c. Ejaan dan ucapan
- d. Jenis kata
- e. Sinonim dan antonim
- f. Konteks penggunaan kata
- g. Takrif
- h. Catatan penggunaan kata
- i. Ilustrasi penjelas takrif
- j. Penerbitan kata turunan
- k. Contoh penggunaan kata
- l. Frasa
- m. Petikan
- n. Kata asing
- o. Rujuk silang

Edgar Dale et al (dalam Tarigan 1985:179)

Menurut Asmah Haji Omar (1987:18) kamus bukan hanya senarai kata dengan padanannya. Dengan takrif dan keterangan-keterangan yang ada bagi satu-satu kata entri itu, maka kamus merupakan satu jenis teks. Dan teks ini digunakan untuk menjelaskan teks yang lain apabila kita merujuk kepadanya. Dengan fungsi itu kamus adalah metateks, yakni teks yang menjelaskan teks seperti halnya metabahasa adalah bahasa untuk menerangkan segala sesuatu tentang bahasa.

Kedudukan kata ganda atau kata ulang dalam **KD** dan **KBBI** tercatat dalam bahagian prelim kamus tersebut. Dalam ‘Panduan Penggunaan’ **KD**, rangkai kata yang berupa kata ganda yang menerima turunan kata atau membentuk kata terbitan melalui pengimbuhan, umumnya dijadikan kata masukan yang tersendiri. Kata ganda yang tidak menerima sebarang pengimbuhan untuk menghasilkan kata terbitan umumnya dimuatkan di bawah kata pertama pada rangkai kata yang berkenaan. Dalam ‘Petunjuk Pemakaian Kamus’ **KBBI**, kata ganda atau kata ulang diperlakukan seperti berikut:

- a. Kata ulang yang menunjukkan makna jamak (yang menyangkut benda) seperti *kamus-kamus* tidak dimuatkan sebagai lema.
- b. Bentuk kata yang seolah-olah merupakan kata ulang seperti kupu-kupu diperlakukan sebagai lema tunggal.
- c. Kata ulang yang menunjukkan jamak dalam hal proses seperti *melihat-lihat*, *berlari-lari* diperlakukan sebagai sublema dan diletakkan langsung sesudah bentuk kata yang berawalan *me-* atau *ber-*. Contoh: *melihat-lihat* diletakkan sesudah *melihat*; *berlari-lari* diletakkan sesudah *berlari*.


- d. Kata ulang seperti *centang-perenang*, *porak-peranda* yang setiap unsur pembentuk katanya tidak berderivasi diperlakukan sebagai lema.

Pada dasarnya apa yang tersebut tidak memperlihatkan secara lengkap pengendalian kata ganda dalam kamus yang sedia ada. Bagaimanapun keterangan tersebut boleh dijadikan asas untuk meneroka lebih jauh tentang pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa. Berdasarkan premis ini reka bentuk kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu yang pertama, bentuk, fungsi, dan makna kata ganda, dan yang kedua pola pengendalian kata ganda dalam kamus.

3.1.1 Bentuk, Fungsi, dan Makna Kata Ganda

Berdasarkan pandangan dan rumusan beberapa orang sarjana bahasa, dapat disimpulkan bahawa terdapat lima bentuk kata ganda dalam BM dan BI. Kelima-lima bentuk kata ganda tersebut mempunyai fungsi dan tataran pemerian makna yang tersendiri seperti yang tercenna dalam **KD** dan **KBBI**. Fungsi kata ganda tersebut dilihat berdasarkan kelas katanya, sama ada bertaraf kata nama (kn), adjektif (adj), kata kerja (kk), adverba (adv), partikel (ptk) dan sebagainya.

Bentuk Kata Ganda



3.1.1.1 Kata Ganda Penuh/ Kata Ulang Dwilingga

Kata ganda penuh terhasil dengan menggandakan keseluruhan kata dasar . Kata ganda penuh juga diertikan sebagai pengulangan leksem (Harimurti 1989: 89). Kedudukan kata ganda penuh dapat diperjelas seperti carta 3.0 berdasarkan klasifikasi fungsi, makna, dan contoh.

Fungsi	Makna	Contoh
kn	jamak	<i>buku-buku, rumah-rumah</i>
adj	sifat lebih daripada satu	<i>cantik-cantik, kaya-kaya</i>
	bersifat sesuatu yang menjadi bandingannya	<i>jinak-jinak (merpati)</i>
kk	perbuatan seenaknya/berehat	<i>baring-baring, duduk-duduk</i>
adv	dengan sungguh-sungguh	<i>hampir-hampir</i>
	untuk menguatkan keterangan yang terkandung dalam kata dasar (kesangatan)	<i>benar-benar sungguh-sungguh</i>

Carta 3.0 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Penuh

3.1.1.2 Kata Ganda Semu

Kata ganda semu terbentuk dengan menggandakan seluruh kata dasar kerana kata dasarnya tidak bermakna jika tidak digandakan. Misalnya kata ganda seperti *agar-agar*, *anai-anai*, dan *labah-labah* tidak terbit daripada kata *agar*, *anai*, dan *labah* (Asraf 1995: 202). Walaupun proses pembentukannya sama seperti kata ganda penuh, terdapat

perbezaan dari segi pemilihan dasar. Kata dasar dalam kata ganda penuh adalah kata yang mempunyai makna, tetapi dalam kata ganda semu dasarnya tidak memberi makna jika tidak digandakan (Fatimah Haji Chuchu 1995:5). Kedudukan kata ganda semu dapat diperincikan seperti carta 3.1.

Fungsi	Makna	Contoh
kn	tunggal atau satu a. manusia b. flora c. fauna sejenis ubat	<i>kanak-kanak, mata-mata</i> <i>kabu-kabu, dalu-dalu</i> <i>anai-anai, biri-biri</i> <i>rama-rama</i> <i>param-param</i>

Carta 3.1 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Semu

3.1.1.3 Kata Ganda Separa/Kata Ulang Dwipurwa

Kata ganda ini dihasilkan dengan menggandakan sebahagian daripada kata dasar. Penggandaan pada kata dasar lazimnya melibatkan suku kata pertama, dan letaknya pada bahagian hadapan kata dasar (Nik Safiah et al: 1996:78). Bunyi vokal dalam suku kata yang digandakan berubah menjadi *e* pepet. Bagi Harimurti (1989: 89) kata ganda separa atau dwipurwa adalah pengulangan suku pertama pada leksem dengan pelemahan vokal. Carta 3.2 dapat memperjelas hakikat kata ganda separa dari segi fungsi, makna , dan contoh yang diberikan.

Fungsi	Makna	Contoh
kn	menyerupai sesuatu yang terkandung dalam kata dasar	<i>bebola, gegelang, kekuda</i>
	jamak/banyak	<i>dedaun, pepohon</i>
	tunggal	
	a. manusia	<i>lelaki, tetamu</i>
	b. flora	<i>sesawi</i>
	c. fauna	<i>bebiri, lelabah</i>
	makna khusus	<i>cecair, jejari, tetikus</i>

Carta 3.2 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Separa

3.1.1.4 Kata Ganda Berentak/Kata Ulang Dwilingga Salin Swara

Kata ganda berentak dihasilkan dengan menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu. Seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah (Nik Safiah et al 1996: 78). Manakala Harimurti (1989: 89) berpendapat kata ganda berentak atau dwilingga salin swara ialah pengulangan leksem dengan variasi fonem. Terdapat tiga jenis kata ganda berentak:

- i. Kata Ganda Berentak Pengulangan vokal
Cth: *sayur-mayur, kuah-muih, suka-duka*
- ii. Kata Ganda Berentak Pengulangan Konsonan
Cth: *gunung-ganang, batu-batan, kayu-kayan*
- iii. Kata Ganda Berentak bebas
Cth: *lemah-longlai, tinggi-lampai*

Kedudukan kata ganda berentak dapat diperjełas kedudukannya seperti carta 3.3.

Fungsi	Makna	Contoh
kn	pelbagai jenis	<i>batu-batan, kuih-muih lauk-pauk</i>
	jamak	<i>gunung-ganang</i>
adj	sangat/paling/superlatif	<i>gelap-gelita, hina-dina, hiruk-pikuk</i>
kk	sering/berkali-kali	<i>bolak-balik, congak-cangit lalu-lalang</i>
adv	sungguh-sungguh/intensif	<i>serta-merta</i>

Carta 3.3 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berentak

3.1.1.5 Kata Ganda Berimbuhan

Kata ganda berimbuhan merupakan kata ganda yang menerima imbuhan sama ada awalan (*berangan-angan, mengangguk-angguk*), akhiran (*bau-bauan, sayur-sayuran*), apitan (*keanak-anakan, sehari-harian*) dan sisipan (*awan-gemawan, gilang-gemilang, tulang-temulang*). Di samping itu, terdapat pendapat yang membahagikan kata ganda berimbuhan kepada dua jenis iaitu jika imbuhan hanya terdapat pada unsur pertama, ini disebut sebagai kata ganda progresif (*meminta-minta, menjerit-jerit*). Yang kedua, kata ganda regresif apabila imbuhan hanya terdapat pada unsur kedua (*bantu-membantu, kejar-mengejar*).

3.1.1.5.1 Awalan

Imbuhan pada unsur pertama disebut juga sebagai kata ganda progresif. Ini meliputi awalan *beR-*, *meN-*, *teR-*, dan *se-*. Ini dapat dilihat seperti carta 3.4.

Fungsi	Makna	Contoh
<i>a. beR-</i>		
kk	jamak	<i>berguni-guni, berkotak-kotak</i>
	berkali-kali/iteratif	<i>berpindah-pindah, berhenti-henti, berpusing-pusing</i>
<i>b. meN-</i>		
kk	perbuatan berulang-ulang	<i>menggaru-garu, menarik-narik</i>
	intensif/sungguh-sungguh	<i>mengada-gada</i>
<i>c. teR-</i>		
kk	iteratif/ berulang-ulang	<i>tercari-cari, tertawa-tawa</i>
	sungguh-sungguh	<i>tergila-gila</i>
<i>d. se-</i>		
adv	seperti	<i>seolah-olah, seakan-akan</i>
adv	secara tiba-tiba	<i>sekonyong-konyong</i>

Carta 3.4 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berunsur Awalan

3.1.1.5.2 Kata Ganda Regresif

Imbuhan pada unsur kedua pada kata akar. Kedudukan kata ganda regresif dapat diperincikan seperti carta 3.5.

Fungsi	Makna	Contoh
kk	penyalangan, berbalasan resiprokal	<i>hitung-menghitung, pukul-memukul</i>
kn	perihal, pekerjaan	<i>cetak-mencetak</i>

Carta 3.5 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berfungsi Sebagai Kata Ganda Regresif

3.1.1.5.3 Akhiran

Imbuhan akhiran *-an* dianggap dominan dalam sistem turunan kata BM dan BI. Pola sedemikian terlihat dalam kata ganda yang menerima akhiran *-an* seperti carta 3.6.

a. <i>-an</i>		
kn	pelbagai/bermacam-macam	<i>buah-buahan, bunga-bungaan</i>
adj	berkali-kali	<i>sakit-sakitan</i>
adj.	ketidakpastian	<i>untung-untungan</i>

Carta 3.6: Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berunsur Akhiran

3.1.1.5.4 Apitan

Ada beberapa bentuk apitan dalam BM dan BI. Bentuk tersebut terdiri daripada *beR~~~an*, *me~~~kan*, *mempeR~~~kan*, *ke~~~an*, dan *se~~~nya*. Kedudukan kata ganda berimbuhan yang menerima apitan, dapat diperjelas seperti carta 3.7.

Fungsi	Makna	Contoh
<i>a. beR~~~an</i>		
kk	berbalasan	<i>berkasih-kasihan</i> ,
<i>b. me~~~kan</i>		
kk	berkali-kali	<i>membetul-betulkan</i>
	tidak berhubungan	<i>memisah-misahkan</i>
<i>c. mempeR~~~kan</i>		
kk	menjadikan seperti	<i>memperkuda-kudakan</i>
<i>d. ke~~~an</i>		
kn	seakan-akan	<i>kebiru-biruan</i>
adj	memiliki sifat seperti	<i>keanak-anakan</i> , <i>keinggeris-inggerisan</i>
<i>e. se~~~nya</i>		
adv	paling	<i>sebaik-baiknya</i>
	hingga	<i>selewat-lewatnya</i>

Carta 3.7: Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berunsur Apitan

3.1.1.5.5 Sisipan

Bentuk sisipan yang dominan dalam kajian ini ialah *-em*. Kata ganda berimbuhan yang menerima unsur sisipan ini mempunyai fungsi dan makna yang tersendiri seperti carta 3.8.

Fungsi	Makna	Contoh
adv	pelbagai/bermacam-macam	<i>tali-temali, tulang-temulang</i>
kn	variasi	<i>jari-jemari</i>
kn	jamak	<i>gunung-gemunung</i>

Carta 3.8 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berunsur Sisipan

3.1.1.5.6 Suku Kata Akhir

Pembentukan suku kata akhir tidak sekérap bentuk kata ganda lain yang mengalami imbuhan. Peranan suku kata akhir dapat dilihat seperti carta 3.9.

adj	tidak tergesa-gesa	<i>perlahan-lahan</i>
adv.	sungguh-sungguh/intensif	<i>pertama-tama</i>

Carta 3.9 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Berimbuhan Yang Berunsur Suku Kata Akhir

3.1.1.5.7 Kata Ganda Separa Berimbuhan

Terdapat juga pola kata ganda separa berimbuhan yang mempunyai kedudukan penting dalam BM dan BI. Kata ganda ini mempunyai fungsi dan makna tertentu seperti yang terlihat dalam carta 3.10.

Fungsi	Makna	Contoh
kn	jamak	<i>dedaunan, pepohonan</i>
	makna khusus	<i>cecairan</i>

Carta 3.10 : Fungsi Dan Makna Kata Ganda Separa Berimbuhan

3.1.2 Pola Pengendalian Kata Ganda Dalam Kamus

Pola pengendalian kata ganda dalam kamus merupakan kajian teras yang melihat situasi sebenar tentang kedudukan kata ganda dalam **KD** dan **KBBI**. Kajian ini akan menelusuri pola kata ganda secara keseluruhan dalam **KD** dan **KBBI** yang mencetuskan persamaan atau perbezaan dalam pengendaliannya. Ada tujuh pecahan status masukan sama ada mengikut lema (lem), sublema (subl), rangkai kata (r.kt), prakategori (pra), rujuk silang (r.s), variasi (var.), dan polisemi (poli.). Ketujuh-tujuh elemen ini mewarnai pola penerapannya dalam kamus dan sekali gus memaparkan status masukannya dalam kedua-dua buah kamus yang berpengaruh itu. Ini dapat dilihat berdasarkan status yang diberikan dalam kajian ini seperti yang tertera dalam carta 3.11. Carta tersebut terdiri daripada bentuk kata ganda, contoh kata ganda, nama kamus sama ada **KD** atau **KBBI**, serta status masukannya. Huraian lanjut tentang pola pengendalian kata ganda dalam kamus akan diberikan secara lengkap pada bab empat.

Kata Ganda	KD	Status	KBBI	Status
<i>i. K. Ganda Penuh</i>				
baik-baik	baik... baik-baik...	subl	baik... baik-baik...	subl
duduk-duduk	duduk... duduk-duduk...	subl	duduk... duduk-duduk...	subl
<i>ii. K. Ganda Semu</i>				
biri-biri	biri;biri-biri,bebiri...	prak.	biri-biri...	lem
dari-dari	dari; dari-dari,dedari...	prak.	dari-dari	lem
<i>iii. K. Ganda Separa</i>				
lelabi	lelabi->labi	lem	lelabi->labi-labi	lem
lelangit	lelangit langit-langit	lem	lelangit-->langit-langit	lem
<i>iv. K. Ganda Berentak</i>				
cola-cala	cola; ~ cala	pra	cola-cala	lem
hina-dina	hina.. ~~dina	r.kt	hina... ~ dina	r.kt
<i>v. K. Ganda Berentak (menjana kata terbitan)</i>				
olang-aling	olang; berolang-aling... terolang-aling...	lem	olang-aling.. mengolang-aling...	lem
pontang-panting	pontang-panting... berpontang-panting...	lem	pontang-panting berpontang-panting...	lem
<i>vi Kata Ganda Berimbuhan</i>				
<i>1. awalan (Kata ganda progresif)</i>				
a. ber-				
berbondong-bondong	bondong berbondong-bondong	subl.	bondong berbondong-bondong	subl.

<i>b. meN-</i>				
mengada-ada	ada mengada-ada	subl.	ada mengada-ada	subl.
<i>c. teR-</i>				
terbayang-bayang	bayang terbayang-bayang	subl.	bayang terbayang-bayang	subl.
<i>d. se-</i>				
sekali-kali	kali I sekali-kali	subl.	kali sekali-kali	subl.

2. Kata ganda regresif

balas-membalas	balas balas-membalas	subl.	balas balas-membalas	subl.
----------------	--------------------------------	-------	--------------------------------	-------

3. akhiran

<i>a. -an</i>				
buah-buahan	buah buah-buahan	subl.	buah buah-buahan	subl.

4. apitan

<i>a. ber~~an</i>				
bercinta-cintaan	cinta bercinta-cintaan	subl.	cinta bercinta-cintaan	subl.
<i>b. meN~~kan</i>				
memisah-misahkan	pisah memisah-misahkan	subl.	pisah memisah-misahkan	subl.
<i>c. mempeR~~kan</i>				
memperamat-amatkan	amat memperamat-amatkan	subl.	amat memperamat-amatkan	subl.
<i>d. ke~~an</i>				
kebiru-biruan	biru kebiru-biruan	subl.	biru kebiru-biruan	subl.
<i>e. se~~an</i>				
sehari-harian	hari sehari-harian	subl.	hari sehari-harian	subl.
<i>f. se~~nya</i>				
sebaik-baiknya	baik sebaik-baiknya	subl.	baik sebaik-baiknya	subl.

5. sisipan

a. -em				
turun-temurun	turun ~~temurun	r.kt	turun turun-temurun	subl.

6.. Suku kata akhir

perlahan-lahan	perlahan = perlahan-lahan var.		perlahan perlahan-lahan	subl.
----------------	---------------------------------------	--	-----------------------------------	-------

vii. Kata Ganda Separa Berimbahan

pepohonan	pohon pohon-pepohonan, pepohonan	subl	pohon pohon-pohonan pepohonan	subl
wewangian	wewangian...	lem	wangi.. wewangian..	subl

Carta 3.11: Status Kata Ganda Dalam **KD** dan **KBBI**

3.2 Tatacara Kajian

Tatacara kajian merupakan mekanisme yang diambil meliputi cara, strategi, atau kaedah dari peringkat permulaan sehingga ke peringkat penulisan kajian selesai dilakukan. Untuk kajian ini, tatacara yang dipilih meliputi :

- a. Kajian kepustakaan
- b. Pengumpulan data
- c. Pemilihan data yang terkumpul
- d. Klasifikasi data yang telah dipilih
- e. Analisis perbandingan
- f. Rumusan hasil kajian.

3.2.1 Kajian Kepustakaan

Ada dua pendekatan yang digunakan menerusi kajian kepustakaan. Pertamanya membuat rujukan khusus kepada **KD** Edisi Ketiga 1994 dan **KBBI** cetakan 1997 untuk mendapatkan data. Kedua-duanya merupakan korpus utama untuk kajian disertasi ini. Di samping itu beberapa buah kamus lain juga dirujuk sama ada kamus ekabahasa terbitan Malaysia dan Indonesia untuk melihat pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus tersebut. Antara kamus-kamus yang dirujuk ialah:

- i. Wilkinson, R. J. 1959. *A Malay English Dictionary*.
- ii. Winstedt, R. O . 1960. *Kamus Bahasa Melayu*.
- iii. W.J.S Poerwadaminta 1976. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.
- iv. J. S. Badudu, Sutan Mohammad Zain 1994. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.

Seterusnya rujukan dilakukan pada buku atau makalah yang menyentuh tentang persoalan kata ganda. Penulisan tentang kata ganda atau kata ulang ini banyak disentuh oleh sarjana bahasa Malaysia dan Indonesia dan ini memberi input penting menelusuri ruang lingkup kata ganda dengan lebih terperinci lagi.

3.2.2 Pengumpulan Data

Kamus ekabahasa dibuat berdasarkan data korpus. Penghuraian dalam kamus ekabahasa ialah secara takrif sedutan berdasarkan konteks ayat yang terkandung dalam korpus. Korpus ialah koleksi bahan teks yang dicirikan dengan pemberatan tertentu yang mewakili sebilangan teks sesuatu bahasa yang digunakan untuk analisis linguistik dan sastera. Dalam hubungan ini beberapa maklumat yang melibatkan kata ganda akan

dikumpulkan. Pengumpulan maklumat kata ganda akan dilakukan secara manual abjad demi abjad mengikut bentuk penerapannya dalam kedua-dua kamus tersebut.

3.2.3 Pemilihan Data Yang Terkumpul

Kaedah ini merupakan suatu kemestian untuk mencari data yang benar-benar autentik untuk tujuan analisis data. Peringkat pemilihan data melibatkan proses meneliti kembali data yang terkumpul. Ada beberapa kriteria yang perlu diambil kira dalam proses pemilihan data:

- i. Proses pemilihan data perlu berasaskan rumus yang ditetapkan oleh pakar bahasa kedua-dua buah negara. Ini dapat dilakukan dengan merujuk buku-buku pedoman bahasa yang menjadi pegangan di negara masing-masing.
- ii. Perlu ada pertimbangan preskriptif berasaskan data yang terkumpul secara deskriptif. Menurut Nik Safiah Karim (1994: 8) ‘bagi bahasa yang dalam keadaan peralihan dan dalam proses pembinaan, penyusun kamus dikehendaki memainkan peranan dalam menentukan dan memilih bentuk-bentuk tertentu, agar perkembangan bahasa licin dan teratur.’

Sehubungan dengan itu sesuai kamus sebagai alat membakuan bahasa, pemilihan data tersebut tidak terlepas daripada rumus yang disepakati oleh ahli bahasa. Namun memandangkan data-data tersebut sudah didokumentasikan dalam kedua-dua kamus tersebut, tidak timbul kesukaran untuk membuat pemilihan. Ini kerana sebelum beberapa bentuk kata ganda diterapkan dalam kamus tersebut, maklumat morfologi ini telah melalui suatu proses pembakuan berdasarkan rumus dan konteks penggunaannya.

3.2.4 Klasifikasi Data Yang Telah Dipilih

Klasifikasi data dianggap penting dalam proses menganalisis data. Usaha sedemikian boleh membantu kelancaran tahap menganalisis data. Dalam hubungannya dengan kajian ini, klasifikasi data tersebut akan diberi perincian dengan cara membubuh label mengikut bentuk dan status pengendaliannya dalam kamus sama ada bertaraf lema (lem), sublema (s.lem), prakategori (prak.), rangkai kata (r.kt), rujuk silang (r.s), variasi (var.), dan polisemi (poli.). Kaedah sedemikian akan memudahkan kerja-kerja analisis data yang sekali gus menyingkap makna yang terkandung dalam bentuk kata ganda tersebut.

3.2.5 Analisis Perbandingan

Dalam peringkat kajian ini, tahap menganalisis data secara perbandingan ini merupakan tahap penentu. Tahap ini menuntut ketelitian dan penguasaan bidang yang dikaji. Seseorang penyusun kamus perlu jelas dan mengetahui bentuk-bentuk morfologi. Tidak ada kecaburan yang harus wujud. Untuk mendapatkan analisis yang menyeluruh tentang pola pengendalian kata ganda dalam **KD** dan **KBBI**, kajian ini akan menganalisis perbandingan tersebut berdasarkan pertimbangan seperti berikut:

i. Kata ganda penuh:

- a. Berasaskan bentuk - 20 contoh
- b. Berasaskan makna

ii. Kata ganda semu

- a. Berasaskan bentuk -20 contoh
- b. Berasaskan makna

iii. Kata ganda separa

- a. Berdasarkan bentuk - 20 contoh
- b. Berdasarkan makna

iv. Kata ganda berentak

- a. Berdasarkan bentuk - 20 contoh tanpa menjana kata terbitan
 - 10 contoh yang menjana kata terbitan
- b. Berdasarkan makna

v. Kata ganda berimbuhan

- a. Berdasarkan bentuk - awalan (5 contoh setiap satu)
 - akhiran (5 contoh)
 - apitan (5 contoh setiap satu, kecuali *se~~an* 3 contoh))
 - sisipan (12 contoh)
 - kata ganda regresif (5 contoh)
 - suku kata akhir (2 contoh)
- b. Berdasarkan makna

vi. Kata ganda separa berimbuhan

- a. Berdasarkan bentuk - 6 contoh
- b. Berdasarkan makna

Keseluruhan data yang dipilih dianggap representatif untuk kedua-dua kamus tersebut. Bagaimanapun terdapat hambatan atau batasan untuk melengkapkan jumlah contoh untuk tujuan analisis data. Keterbatasan ini mungkin dipengaruhi oleh konteks penggunaannya yang rendah berbanding dengan bentuk kata ganda yang lain. Misalnya untuk kata ganda berimbuhan yang bertaraf apitan seperti *se~~an* dan *suku kata akhir*

yang menghadapi hambatan untuk melengkapkan contoh yang diperlukan. Manakala untuk kata ganda berimbuhan yang berstatus sisipan dan kata ganda separa berimbuhan, tidak dilakukan pembatasan kerana datanya yang terhad.

Di samping itu untuk memantapkan analisis data, kajian ini akan memanfaatkan data korpus teks bahasa Melayu yang beroperasi di Dewan Bahasa dan Pustaka. Korpus yang merupakan salah satu sumber penting untuk mencari pembuktian data leksikografi, dijangka dapat memperjelas beberapa isu yang berkaitan dengan pemerian kata ganda, terutama kata ganda separa yang berasosiasi maknanya dengan kata ganda semu. Misalnya perkataan *lelaki* dan *laki-laki* yang mana harus ditakrifkan. Jika dirujuk kepada makna kamus perkataan *laki-laki* itu yang ditakrifkan dan ini perlu dilihat kembali berdasarkan frekuensi penggunaannya dalam korpus .

3.2.6 Rumusan Hasil kajian

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa perbezaan dan persamaan yang mempengaruhi pola pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa Malaysia/Indonesia. Kajian ini akan mencari jawapan kenapa berlakunya perbezaan dalam corak pengendalian tersebut yang secara langsung menjelaskan usaha memperkuuhkan kerjasama kebahasaan antara kedua-dua bahasa serumpun ini. Kajian ini dianggap penting agar para ahli bahasa dapat melihat kembali beberapa kerancuan dan ketidakseragaman dalam isu kata ganda sehingga menimbulkan kekalutan dalam proses penerapannya dalam kamus.